



**PANDUAN PENGANJURAN MAJLIS KONVOKESYEN OLEH PENYEDIA
LATIHAN KEMAHIRAN (PLK) DI BAWAH SISTEM PERSIJILAN KEMAHIRAN
MALAYSIA (SPKM) TAHUN 2024**

**JABATAN PEMBANGUNAN KEMAHIRAN
KEMENTERIAN SUMBER MANUSIA
MALAYSIA**

Pindaan ketiga, 2024

ISI KANDUNGAN

1.0	TUJUAN	3
2.0	LATAR BELAKANG	3
3.0	TAFSIRAN	4
4.0	LOKASI DAN MASA MAJLIS KONVOKESYEN	5
5.0	JEMPUTAN TETAMU KEHORMAT (VVIP)	5
6.0	PROTOKOL DAN ETIKA MAJLIS KONVOKESYEN	5
	6.1 Protokol Aturcara	5
	6.2 Etika Berpakaian	6
	6.2.1 Pakaian Tetamu/ Ibu Bapa	6
	6.2.2 Pakaian Graduan	6
	6.2.3 Jubah Konvokesyen	7
	6.3 Etika Kelakuan	7
7.0	SESI RAPTAI MAJLIS KONVOKESYEN	8
8.0	BAYARAN TERHADAP GRADUAN	8
9.0	KELAYAKAN PENYERTAAN GRADUAN MENYERTAI MAJLIS KONVOKESYEN SPKM	8
9.0	PENGUNAAN JATA NEGARA DAN LOGO JPK	9
10.0	TARIKH KUATKUASA	9

1.0 TUJUAN

Panduan ini akan digunakan sebagai **rujukan** oleh mana-mana Penyedia Latihan Kemahiran (PLK) di bawah Sistem Persijilan Kemahiran Malaysia (SPKM) bagi tujuan penganjuran majlis konvokesyen.

Panduan ini juga bertujuan untuk memaklumkan kepada PLK bahawa **JPK mensyaratkan kepada mana-mana PLK untuk memaklumkan secara rasmi** mengenai penganjuran majlis konvokesyen khususnya di bawah perkara **5.0, 6.1 dan 10.0**.

2.0 LATAR BELAKANG

Jabatan Pembangunan Kemahiran (JPK) merupakan agensi Kerajaan di bawah Kementerian Sumber Manusia (KESUMA) yang berperanan untuk menyelaraskan dan mengawal selia program latihan kemahiran di peringkat nasional melalui SPKM. Bagi tujuan tersebut, mana-mana Pusat Latihan Kemahiran (PLK) yang telah ditauliahkan sebagai Pusat Bertauliah (PB) oleh JPK boleh melaksanakan SPKM melalui empat (4) kaedah iaitu Sistem Latihan Program Bertauliah (SLaPB), Sistem Latihan Dual Nasional (SLDN), Pengiktirafan Pencapaian Terdahulu (PPT) –dan Akademi Dalam Industri (ADi).

PB adalah digalakkan untuk menganjurkan majlis konvokesyen bagi meraikan kejayaan pelatih yang telah berjaya menamatkan latihan kemahiran melalui SPKM. Secara tidak langsung, PB juga dapat mempromosikan program latihan kemahiran dan menggalakkan kemasukan pelatih ke dalam SPKM.

Majlis konvokesyen boleh dianjurkan oleh mana-mana PB atau persatuan dalam SPKM. Sesebuah PB tidak boleh menganjurkan majlis konvokesyen bagi mewakili beberapa PB yang lain melainkan ianya dianjurkan oleh persatuan.

3.0 TAFSIRAN

- a. **“agensi”** ertinya kementerian (Persekutuan dan Negeri), jabatan (Persekutuan dan Negeri), Pihak Berkuasa Berkanun (Persekutuan dan Negeri) dan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) sama ada keseluruhan organisasi agensi berkenaan atau sebahagian daripadanya;
- b. **“Sistem Persijilan Kemahiran Malaysia (SPKM)”** ertinya polisi, mekanisma Standard dan tatacara yang terlibat dalam penganugerahan suatu Sijil oleh Ketua Pengarah;
- c. **“Penyedia Latihan Kemahiran (PLK)”** ertinya suatu pertubuhan perbadanan, organisasi atau lain-lain kumpulan orang yang mengendalikan program latihan kemahiran yang maksud utamanya adalah bagi memenuhi kehendak Standard berkaitan;
- d. **“Pusat Bertauliah (PB)”** ertinya suatu PLK yang diberi kuasa oleh Ketua Pengarah untuk menjalankan suatu program bertauliah sehingga kepada penganugerahan suatu Sijil;
- e. **“Sijil”** ertinya kelayakan kemahiran yang dianugerahkan kepada seseorang oleh Ketua Pengarah yang merangkumi Sijil Kemahiran Malaysia (SKM), Diploma Kemahiran Malaysia (DKM), Diploma Lanjutan Kemahiran Malaysia (DLKM) dan Penyata Pencapaian (PC);
- f. **“majlis konvokesyen”** ertinya hari penganugerahan Sijil kepada graduan yang telah berjaya menamatkan latihan kemahiran di bawah SPKM;
- g. **“penganjur majlis”** ertinya mana-mana PB di bawah SPKM atau persatuan yang menganjurkan majlis konvokesyen; dan
- h. **“persatuan”** ertinya gabungan mana-mana PB di bawah SPKM yang berdaftar dengan Jabatan Pendaftaran Pertubuhan (RoS).

4.0 LOKASI DAN MASA MAJLIS KONVOKESYEN

Lokasi dan masa majlis konvokesyen boleh dianjurkan mengikut kesesuaian PB dan protokol jemputan tetamu kehormat (VVIP/ VIP).

5.0 JEMPUTAN TETAMU KEHORMAT (VVIP/VIP)

5.1 Penganjur majlis hendaklah membuat pemakluman lebih awal secara rasmi sekurang-kurangnya 30 hari kepada Ketua Pengarah Pembangunan Kemahiran (KPPK) sekiranya jemputan tetamu kehormat (VVIP) terdiri daripada salah satu daripada senarai berikut:

- a. Yang di-Pertuan Agong (YDPA);
- b. Sultan / Raja/ TYT / Gabenor/ Duta;
- c. Perdana Menteri/ Timbalan Perdana Menteri;
- d. Menteri Besar/ Ketua Menteri/ Premier;
- e. Menteri/ Timbalan Menteri/ Menteri Kabinet;
- f. Pengurusan Tertinggi Kerajaan Negeri;
- g. Ketua Setiausaha Kementerian/ Pengurusan Tertinggi Kementerian; dan
- h. Ketua Pengarah Agensi Persekutuan.

5.2 Pihak penganjur boleh menjemput KPPK atau mana-mana pegawai JPK untuk hadir ke majlis konvokesyen sebagai tetamu atau sebagai penyampai sijil.

5.3 Penganjur majlis hendaklah membuat pemakluman rasmi lebih awal sekurang-kurangnya 30 hari kepada KPPK sekiranya terdapat pihak media yang dijemput semasa majlis konvokesyen.

6.0 PROTOKOL DAN ETIKA MAJLIS KONVOKESYEN

6.1 Protokol Aturcara

6.1.1 Aturcara majlis konvokesyen mestilah bersesuaian dengan masa dan protokol jemputan tetamu kehormat (VVIP/VIP). Penganjur disyor

mendapatkan khidmat nasihat daripada pihak berkelayakan berkaitan protokol bagi kelancaran majlis yang dianjurkan.

6.1.2 Susun atur dan kedudukan tetamu kehormat, tetamu jemputan dan graduan mestilah bersesuaian dengan jumlah kapasiti jemputan dengan mengutamakan keselamatan dan keselesaan.

6.1.3 Sebarang aturcara melibatkan jemputan tetamu kehormat seperti di senarai 5.1 (i) hingga (vii), pihak penganjur majlis perlu mengemukakan dokumen lebih awal iaitu maklumat program dan senarai graduan, teks ucapan, kenyataan media, buku program, *banner* juga *bunting* untuk semakan dan kelulusan Unit Perhubungan Awam, Bahagian Promosi JPK sebelum sesuatu majlis konvokesyen diadakan.

6.1.4 Penganjur majlis adalah dilarang sama sekali untuk menganjurkan sebarang acara yang boleh menjatuhkan imej dan kredibiliti JPK semasa majlis konvokesyen.

6.2 Etika Berpakaian

Etika berpakaian ini merupakan panduan pemakaian kepada tetamu jemputan/ ibu bapa dan graduan. Para tetamu dan graduan perlu mematuhi etika pemakaian yang telah digariskan dalam panduan ini.

6.2.1 Pakaian Tetamu/ Ibu Bapa

Pakaian yang dibenarkan bagi tetamu jemputan/ ibu bapa yang menghadiri majlis konvokesyen adalah seperti berikut:

- i. batik; atau
- ii. *lounge suit*; atau
- iii. pakaian rasmi; atau
- iv. pakaian kebangsaan.

6.2.2 Pakaian Graduan

Secara umumnya, graduan lelaki dan graduan wanita hendaklah mempunyai penampilan yang kemas dan sopan semasa menghadiri majlis konvokesyen. Setiap graduan lelaki dan graduan wanita adalah

digalakkan memakai pakaian graduan seperti ketetapan berikut:

GRADUAN LELAKI	GRADUAN WANITA
<ul style="list-style-type: none"> i. Berbaju melayu hitam lengkap termasuk songkok dan sampung; atau ii. Seluar slack berwarna hitam/ berwarna gelap, kemeja lengan panjang berwarna putih dan bertali leher; dan iii. Kasut bertutup berwarna hitam/ gelap. 	<ul style="list-style-type: none"> i. Berbaju kurung; atau ii. Berpakaian rasmi seperti skirt labuh berwarna hitam atau gelap dan <i>blouse</i> berlengan panjang; dan iii. Kasut bertutup berwarna hitam/ gelap.
PERKARA YANG DILARANG	
<ul style="list-style-type: none"> i. Memakai <i>bow tie</i>; ii. Memakai seluar jeans; iii. Memakai sandal atau kasut sukan; iv. Memakai subang; v. Aksesori berlebihan; dan vi. Apa-apa pemakaian yang tidak sopan. 	<ul style="list-style-type: none"> i. Memakai kemeja-T; ii. Memakai seluar jeans; iii. Memakai <i>blouse</i> iv. tanpa lengan; v. Pakaian bertutup muka; vi. Aksesori berlebihan; dan vii. Apa-apa pemakaian yang tidak sopan.

6.2.3 Jubah Konvokesyen

Jubah konvokesyen untuk graduan lelaki dan graduan wanita semasa penyampaian Sijil Kemahiran Malaysia (SKM), Diploma Kemahiran Malaysia (DKM) dan Diploma Lanjutan Kemahiran Malaysia (DLKM) perlu **bersesuaian dengan majlis konvokesyen.**

6.3 Etika Kelakuan

Graduan dan tetamu perlu mematuhi peraturan dan menjaga adab semasa majlis berlangsung. Antaranya:

- a. Sentiasa berada dalam majlis konvokesyen;

- b. Telefon bimbit berada dalam mod senyap;
- c. Hadir dalam tempoh masa yang telah ditetapkan oleh penganjur majlis;
- d. Graduan yang tidak hadir semasa majlis konvokesyen tidak boleh diganti dengan individu lain;
- e. Menjaga tatasusila semasa berada di atas pentas;
- f. Penganjuran majlis mesti bersifat korporat dan bersesuaian dengan tetamu kehormat yang hadir supaya imej dan kredibiliti jabatan dan kerajaan dijamin; dan
- g. Apa-apa peraturan yang ditetapkan oleh penganjur majlis.

7.0 SESI RAPTAI MAJLIS KONVOKESYEN

Penganjur majlis digalakkan untuk mengadakan sesi raptai majlis konvokesyen bagi memastikan:

- a. Persediaan majlis konvokesyen berjalan lancar;
- b. Pelaksanaan mengikut jadual yang telah ditetapkan;
- c. Para tetamu jemputan/ ibu bapa/ graduan mematuhi etika pemakaian yang telah ditetapkan;
- d. Protokol yang melibatkan tetamu kehormat/ media dilaksanakan; dan
- e. Persediaan dan persiapan penganjuran majlis mesti bersifat korporat dan bersesuaian dengan tetamu kehormat yang hadir supaya imej dan kredibiliti jabatan dan kerajaan dijamin.

8. BAYARAN TERHADAP GRADUAN

Kadar bayaran yang dikenakan kepada graduan hendaklah berpatutan dan resit dikeluarkan oleh penganjur majlis.

9. KELAYAKAN PENYERTAAN GRADUAN MENYERTAI MAJLIS KONVOKESYEN SPKM

Pihak penganjur hendaklah bertanggungjawab bagi memastikan mana-mana graduan SPKM yang bakal menerima sijil melalui kaedah

SLaPB/SLDN/PPT/ADi hendaklah disahkan terampil oleh pihak JPK.

10. PENGGUNAAN JATA NEGARA DAN LOGO JPK

10.1 Penggunaan Jata Negara tidak dibenarkan kecuali kepada PLK awam (merujuk kepada AKTA 414 - Akta Lambang Dan Nama (Mencegah Penggunaan Tidak Wajar) 1963);

10.2 Logo JPK telah didaftarkan dan diberikan Sijil Pendaftaran Cap Dagangan oleh Perbadanan Harta Intelek Malaysia (MyIPO) di bawah Akta Cap Dagangan 1976 dan Peraturan Cap Dagangan 1997. Oleh itu, JPK mempunyai hak eksklusif dan berhak mengambil tindakan undang-undang terhadap sebarang penggunaan logo JPK tanpa kebenaran bertulis daripada pihak JPK; dan

10.3 Penganjur majlis boleh merujuk kepada dokumen Peraturan-Peraturan Pembangunan Kemahiran Kebangsaan (Pengiklanan) 2022 dan Panduan Pengiklanan Sistem Persijilan Kemahiran Malaysia (1 Januari 2022) dan Tatacara Permohonan Pengiklanan dan Pematuhan Akta Pembangunan Kemahiran Kebangsaan 2006 (AKTA 652) melalui laman sesawang JPK.

11. TARIKH KUAT KUASA

Panduan ini berkuat kuasa pada tarikh **1 Jun 2024**.

Ketua Pengarah
Jabatan Pembangunan Kemahiran
Kementerian Sumber

